

REKACORAK PADA PERMUKAAN BARANGAN

LOGAM PERAK MELAYU

MUHAMAD MUHAR BIN SUHAIMI

95187191

**TESIS INI DIKEMUKAKAN KEPADA KAJIAN SENILUKIS DAN SENIREKA,
INSTITUT TEKNOLOGI MARA SEBAGAI MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA KEPERLUAN DIPLOMA SENILUKIS DAN SENIREKA**

DEKAN

FAKULTI SENILUKIS DAN SENIREKA

INSTITUT TEKNOLOGI MARA

40450 SHAH ALAM

SELANGOR DARUL EHSAN

PENGHARGAAN

ALHAMDULILLAH... setelah bertungkus lumus beberapa minggu akhirnya dapat juga saya menyiapkan sebuah tesis di mana ianya adalah satu syarat bagi menamatkan bidang kajian yang diikuti di Institut Teknologi Mara ini. Tesis yang telah di hasilkan ini akan dapat membantu kita bagi faedah bersama di samping dapat memberi rujukan yang tertentu terhadap tajuk yang telah di berikan.

Di dalam kajian yang telah dibuat, banyak pengalaman berguna yang dapat dimanfaatkan oleh diri saya sendiri di dalam menilai sesuatu perkara yang berkaitan. Ini tidak datang secara percuma tetapi ianya memerlukan sesuatu kaedah penyelidikan yang lain yang dapat membantu diri saya untuk menjayakan tesis ini. Selain kaedah penyelidikan dan pengkajian, beberapa individu tertentu juga amat berguna di dalam memberi kerjasama yang cukup memuaskan bagi menjayakan kajian yang telah dibuat.

SINOPSIS

Di dalam membicarakan tajuk tesis ini, ianya dapat memahami lagi tentang penjelasan yang berkaitan dengan sesuatu penggunaan rekacorak terhadap barangan logam khususnya barangan logam perak. Sesuatu rekacorak yang menghiasi setiap perhiasan permukaan barangan perak mempunyai kepentingan dan keunikan yang tersendiri. Ini kerana, sesuatu yang berkaitan dengan rekacorak telah dapat memaparkan kebudayaan masyarakat itu sendiri dalam mewujudkan warisan masyarakat Melayu.

Di dalam tajuk tesis ini juga diperjelaskan tentang pengertian rekacorak itu sendiri dan kepentingan terhadap beberapa elemen lain. Rekacorak bukanlah dibuat berdasarkan hanya bersendirian sahaja, tetapi juga ianya juga mempunyai kepentingan yang tertentu terhadap semua faktor-faktor lain. Misalnya, perkaitan rekacorak dengan motif adalah amat jelas di dalam mewujudkan dekorasi yang menarik sebagaimana yang dapat dilihat pada gambar-gambar yang telah dipaparkan pada tesis ini. Unsur-unsur motif adalah amat kuat supaya penggunaannya pada rekacorak dapat mendatangkan idea-idea dekorasi yang berbagai-bagai rupa dan jenis. Secara ringkasnya, penggunaan rekacorak adalah begitu penting di dalam semua aspek yang berkaitan. Selain dapat memaparkan tentang kecantikannya, kita juga dapat menilai bagaimana indah dan halusny seni pembuatan tangan masyarakat Melayu. Pereka atau petukang-petukang yang menghasilkan rekaan corak seperti seni kraftangan barangan perak, adalah amat mahir dan cekap di dalam menghasilkan teknik-teknik dekorasi yang menarik.

KANDUNGAN

HALAMAN

HALAMAN PEMERIKSA		i
PENGHARGAAN		ii
SINOPSIS		iv
JADUAL ISI KANDUNGAN		vi
SENARAI SISIPAN SLIDE		viii
SENARAI CARTA		ix
SENARAI GAMBAR		ix
SENARAI GAMBARAJAH / ILUSTRASI		x
<i>BAB 1</i>	- 1.0 PENGENALAN	1
	- 1.1 DEFINISI REKACORAK	3
	- 1.2 DEFINISI MOTIF	5
	- 1.3 DEFINISI FLORA	8
	- 1.4 DEFINISI FAUNA	10
<i>BAB 2</i>	- 2.0 SEJARAH AWAL REKACORAK DALAM MASYARAKAT MELAYU	11
	- 2.1 SEJARAH BARANGAN PERAK DI MALAYSIA	15

1.0 PENGENALAN

Kewujudan alam di muka bumi ini adalah suatu nikmat yang amat besar yang telah diciptakan oleh Allah s.w.t kepada seluruh umat manusia. Manusia haruslah memelihara dan menjaga alam dengan sebaik-baiknya supaya kita memperolehi dan mendapat nikmatnya kerana ianya akan mendatangkan faedah kepada manusia untuk sepanjang zaman.

Oleh itu, setiap apa yang kita miliki, biasanya akan terfikir oleh diri kita sendiri sama ada untuk mengkaji, menyelidik dan mempergunakannya. Begitu juga dengan kejadian alam di bumi ini, manusia akan terfikir untuk menghasilkan sesuatu daripada kejadian alam yang penuh dengan '*kesenian*' dan '*keindahan*' yang menakjubkan.

Manusia sejak zaman dahulu memang telah menyedari akan hal ini. Mereka menyedari bahawa, tidakkah alam yang penuh keindahan ini dapat dipergunakan supaya mendatangkan keuntungan yang tertentu kepada manusia. Oleh itu, mereka telah melihat perkara ini dari sudut kebendaan, kesenian atau secara lebih mendalam lagi tentang hakikat yang ketara serta kebenarannya.